

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 ( 65 )

20 Januari 2022  
17 Jamadilakhir 1443

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 5/2022

### PROSEDUR PENUBUHAN DAN PEMANTAUAN SYARIKAT HILIRAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Entiti Universiti (JKDEU) Bil. 3/2021 pada 7 September 2021 telah meluluskan pemakaian Prosedur Penubuhan dan Pemantauan Syarikat Hiliran Universiti Teknologi Malaysia.

2. Prosedur ini disediakan sebagai panduan kepada Staf Akademik berkenaan penglibatan mereka dalam proses penubuhan, pelaksanaan dan pemantauan Syarikat Hiliran. Prosedur ini adalah antara usaha Universiti menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan Staf Akademik bagi tujuan pengkomersialan harta intelek Universiti berkaitan bidang ilmu kepakaran.

3. Semua warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum akan Prosedur Penubuhan dan Pemantauan Syarikat Hiliran UTM yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2021. Dengan berkuatkuasanya prosedur ini, Polisi Syarikat Hiliran Universiti Teknologi Malaysia 2019 dan Garis Panduan Penubuhan dan Pemantauan Syarikat Hiliran Universiti Teknologi Malaysia adalah tidak lagi terpakai.

4. Prosedur Penubuhan dan Pemantauan Syarikat Hiliran UTM boleh dimuat turun melalui Portal MyUTM di pautan <https://my.utm.my/>

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Kampus UTM Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

MHYMT/nsn/kma